



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada syarikat / kontraktor yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang berkaitan dengan pendaftaran yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi perkhidmatan berikut: -

NO. TENDER	PERIHAL TENDER	HARGA DOKUMEN / TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH TUTUP TENDER
MAIJ 3/901/1 (02/2026)	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN & MEMBAIKPULIH ALAT PENDINGIN HAWA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IBU PEJABAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR, PEJABAT SEKITAR DAN MAINJ DAERAH JOHOR BAHRU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	RM50.00 4 FEBRUARI 2026 (RABU)	Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang: 220301 – <i>Penyelenggaraan / Pembaikan Alat Hawa Dingin (window / split / berpusat)</i> DAN CIDB Kategori: ME Pengkhususan: M01 TAKLIMAT TENDER (DIWAJIBKAN) Tarikh: 04 FEBRUARI 2026 (RABU) Tempat: Dewan Besar, Aras Bawah, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru. Masa: 09.30 Pagi	25 FEBRUARI 2026 (RABU) pada / sebelum Jam 12.00 Tengah Hari.

- Kehadiran ke sesi taklimat tender adalah **DIWAJIBKAN** pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan. Hanya **PETENDER** (Penama dalam Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, dan CIDB sahaja) dibenarkan hadir ke taklimat dan **TIDAK BOLEH** diwakilkan. Sila bawa **DOKUMEN ASAL** dan **SESALINAN** iaitu Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Perakuan Pendaftaran oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
- Dokumen Tender boleh dibeli **SELEPAS** menghadiri taklimat atau pada waktu pejabat di Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Tingkat 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Johor Bahru dari jam 9.00 pagi – 4.00 petang (Isnin hingga Khamis) dan 9.00 pagi – 12.00 tengah hari, 2.45 petang – 4.00 petang (Jumaat). Petender yang tidak menghadiri taklimat tender **TIDAK LAYAK** untuk membeli dokumen. Sekiranya petender (yang menghadiri taklimat tender sahaja) ingin mewakili bagi pembelian dokumen, wakil petender tersebut **DIWAJIBKAN** membawa bersama surat perwakilan syarikat dan cap syarikat. Pihak MAINJ berhak menolak pembelian borang tersebut sekiranya dokumen-dokumen di atas tidak dikemukakan dengan sempurna.



3. Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **DRAF BANK (DIGALAKKAN)** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau; Kiriman Wang Pos (*Money Order*) atau Wang Kiriman Pos Berpalang (*Postal Order*), dan dibayar atas nama **BAITULMAL JOHOR**.
4. Tarikh tutup Tender: **25 FEBRUARI 2026 (RABU)** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari**. Dokumen yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis **No. Tender dan Perihal Tender** di sudut **sebelah kiri** sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Aras 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru**. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
5. Dokumen yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Aras 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru**.
6. Petender akan menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Tender yang disertainya.
7. Petender juga boleh mengemukakan **Penyata Zakat Tahunan** dan **Resit Bayaran Zakat terkini** bagi syarikat atau individu (sekiranya ada).
8. Mana-mana petender yang tidak menerima surat tawaran / panggilan daripada Pihak MAINJ dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.

Dengan perintah,

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Negeri Johor

